

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
PENGISYTIHARAN, PINDAAN ATAU PEMBATALAN
PENGISYTIHARAN KAWASAN LARANGAN DAN
TEMPAT LARANGAN DI BAWAH AKTA KAWASAN
LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN TAHUN 1959
(AKTA 298) PINDAAN 2024**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENGISYTIHARAN, PINDAAN ATAU
PEMBATALAN PENGISYTIHARAN KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT
LARANGAN DI BAWAH AKTA KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT
LARANGAN TAHUN 1959 (AKTA 298) PINDAAN 2024**

TUJUAN

Garis panduan ini hendaklah diguna pakai untuk mengurus pengisytiharan, pindaan atau pembatalan pengisytiharan kawasan larangan dan tempat larangan (KLTL) di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan Tahun 1959 (Akta 298).

LATAR BELAKANG

2. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan pengisytiharan, pindaan pengisytiharan dan pembatalan pengisytiharan KLTL di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan Tahun 1959 (Akta 298).
3. Garis panduan ini merupakan penambahbaikan daripada garis panduan [AK.KPKK (SP) 01.2005 (Pind.01 2024)] dengan mengemaskini proses pengurusan pengisytiharan, pindaan pengisytiharan dan pembatalan pengisytiharan di zon maritim Malaysia.
4. Garis panduan ini merupakan hasil daripada Bengkel Penyelarasan Pengukuhan Keselamatan Sasaran Penting Negara Dan Kawasan Larangan Tempat Larangan Di Zon Maritim Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan penguatkuasaan keselamatan di Zon Maritim Malaysia serta pihak Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) selaku wakil pemain industri.

**PROSES PENGISYTIHARAN, PINDAAN DAN PEMBATALAN KAWASAN
LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN DI BAWAH AKTA KAWASAN
LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN TAHUN 1959 (AKTA 298).**

5. PROSES PENGISYTIHARAN

- 5.1 Permohonan pengisytiharan, pindaan dan pembatalan pengisytiharan sesuatu kawasan, tempat, instalasi atau premis sebagai kawasan larangan di bawah seksyen 4 atau tempat larangan di bawah seksyen 5 atau sebagai kawasan larangan dan tempat larangan di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 kedua-duanya mengikut Akta 298 perlu dibuat oleh pemilik atau operator;
- 5.2 Pemilik atau operator hendaklah cuba mengelakkan daripada mengemukakan permohonan untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan, tempat, instalasi atau premis yang membenarkan pihak awam untuk mendapat akses daripada diisytiharkan di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 Akta 298;
- 5.3 Pemilik atau operator di sesuatu kawasan, tempat, instalasi atau premis yang sering berurusan dengan pihak awam hendaklah mempunyai peraturan keselamatan dalam sebelum merujuk kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan bagi tujuan permohonan pengisytiharan;
- 5.4 Kawasan, tempat, instalasi atau premis yang tidak merupakan kawasan atau tempat awam, mungkin mempunyai alasan yang baik untuk menyokong diisytiharkan sebagai kawasan larangan di bawah seksyen 4 atau tempat larangan di bawah seksyen 5 atau sebagai kawasan larangan dan tempat larangan di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 kedua-duanya mengikut Akta 298;
- 5.5 Permohonan pengisytiharan perlu dikemukakan melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia cawangan negeri atau kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di

Wilayah Persekutuan Putrajaya sekiranya membabitkan kawasan, tempat, instalasi atau premis di Wilayah Persekutuan Putrajaya;

- 5.6 Pemilik atau operator yang bercadang untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan, tempat, instalasi atau premis sebagai Kawasan Larangan di bawah seksyen 4 atau Tempat Larangan di bawah seksyen 5 atau sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 kedua-duanya mengikut Akta 298 perlu mengemukakan butir-butir berikut:
- 5.6.1 Nama penuh kawasan, tempat, instalasi atau premis;
- 5.6.2 Alasan untuk cadangan mengisytiharkannya sebagai Kawasan Larangan di bawah seksyen 4 atau Tempat Larangan di bawah seksyen 5 atau sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 Akta 298 kedua-duanya;
- 5.6.3 Perihalan kawasan, tempat, instalasi atau premis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang menzahirkan sempadannya, nombor lot, mukim, daerah dan negeri mengikut format seperti di Lampiran 1 hingga Lampiran 4; dan
- 5.6.4 Menyatakan langkah-langkah keselamatan perlindungan yang sedia ada seperti:
- jenis sekatan (*barrier*) sama ada pagar, tembok atau apa apa jenis halangan yang bersesuaian dan sebagainya;
 - jenis perkhidmatan kawalan keselamatan sama ada dikawal oleh angkatan keselamatan, pasukan keselamatan dalaman atau perkhidmatan kawalan swasta;
 - sistem kawalan akses sama ada menggunakan pas keselamatan; dan

d) langkah-langkah keselamatan fizikal selainnya jika ada.

5.6.5 Sekiranya membabitkan permohonan pengisytiharan KLTL di kawasan darat, pemilik atau operator perlu mengemukakan empat (4) salinan pelan seperti ketetapan berikut:

a) Pelan Warta yang disediakan oleh:

- i. Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- ii. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah bagi Negeri Sabah; dan
- iii. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi Negeri Sarawak. ATAU;

b) Pelan Akui / Pelan Pelbagai yang disediakan atau disahkan oleh:

- i. Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- ii. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah bagi Negeri Sabah; dan
- iii. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi Negeri Sarawak.

5.6.6 Bagi setiap permohonan pengisytiharan KLTL di kawasan laut, pemilik atau operator perlu mengemukakan empat (4) salinan pelan warta yang disediakan oleh JUPEM Negeri ATAU;

empat (4) salinan carta nautika yang dikeluarkan oleh Pusat Hidrografi Nasional;

5.6.7 Pemilik atau operator perlu mengemukakan salinan Pelan Warta / Pelan Akui yang disediakan atau disahkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri ATAU carta nautika yang dikeluarkan oleh Pusat Hidrografi Nasional kepada Jabatan

Tanah Dan Ukur Negeri Sabah, Jabatan Tanah Dan Survei Negeri Sarawak, Jabatan Laut Negeri dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk tujuan rujukan dan rekod;

- 5.6.8 Mengemukakan maklumat kawasan, tempat, instalasi atau premis dengan mengisi Borang KPKK.BSP 1(A) 2003 bagi Kawasan Larangan atau Borang KPKK.BSP 1(B) 2003 bagi Tempat Larangan di Lampiran 5 dan Lampiran 6;
- 5.6.9 Mengemukakan gambar pelbagai sudut dari luar dan dalam kawasan, tempat, instalasi atau premis yang ingin diisyiharkan bagi menunjukkan kedudukannya dengan lebih jelas;
- 5.6.10 Bagi pemohon yang tidak menggunakan bangunan atau menyewa Kawasan sesuatu bangunan atau bangunan bukan milik sendiri, kebenaran daripada pemilik atau tuan punya bangunan atau kawasan adalah diperlukan sebelum permohonan pengisyiharan dibuat;
- 5.6.11 Bagi pemohon yang menyewa sesuatu kawasan atau kawasan bukan milik sendiri, kebenaran daripada pemilik atau tuan punya kawasan adalah diperlukan sebelum permohonan pengisyiharan dibuat;
- 5.6.12 Setelah kawasan, tempat, instalasi atau premis diisyiharkan sebagai kawasan larangan di bawah seksyen 4 atau tempat larangan di bawah seksyen 5 atau sebagai kawasan larangan dan tempat larangan di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 keduaduanya mengikut Akta 298, pemilik atau operator hendaklah mempamerkan papan kenyataan seperti mana mengikut keperluan seksyen 6 Akta 298. Papan kenyataan menyatakan kawasan, tempat, instalasi atau premis tersebut adalah kawasan larangan atau tempat larangan atau kawasan larangan dan tempat larangan kedua-duanya hendaklah dipasang sekeliling kawasan mengikut sub seksyen 2 seksyen

10 Akta 298 bagi mencegah kemasukan yang silap atau tidak sengaja ke dalam mana-mana kawasan larangan atau tempat larangan; dan

5.6.13 Pemilik atau operator kawasan larangan atau tempat larangan perlu menguatkusakan pemakaian kad pas keselamatan mengikut bentuk kad pas dan permit seperti mana di tetapkan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan atau mana-mana Pegawai Keselamatan Kerajaan yang diberi kuasa atau seperti mana dinyatakan dalam perintah.

6. PROSES PINDAAN PENGISYTIHARAN

- 6.1 Pindaan perintah sesuatu kawasan larangan atau tempat larangan yang telah diisyiharkan di bawah seksyen 4 atau seksyen 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 hendaklah dibuat bagi memastikan instalasi tersebut dilindungi di bawah Akta 298;
- 6.2 Pemilik atau operator hendaklah dengan segera membuat permohonan pindaan perintah sebaik sahaja terdapat perubahan ke atas kawasan, tempat, instalasi atau premis sama ada dari segi nama, pemilik atau penghuni, fungsi, lot tanah, keluasan tanah dan sebagainya;
- 6.3 Pemilik atau operator yang bercadang untuk membuat pindaan perintah ke atas kawasan larangan atau tempat larangan atau keduaduanya instalasi miliknya hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut:
 - 6.3.1 Pemilik atau operator hendaklah menyatakan sebab-sebab permohonan pindaan perintah dilakukan;
 - 6.3.2 Salinan surat atau dokumen pertukaran nama atau ceraian minit mesyuarat yang menyatakan pertukaran pada nama serta menunjukkan tarikh nama instalasi tersebut mulai berkuat kuasa

(sekiranya pindaan tersebut adalah perubahan pada nama instalasi);

6.3.3 Pemilik atau operator perlu juga mengemukakan empat (4) salinan pelan atau carta yang menunjukkan perubahan ke atas lot tanah, keluasan tanah, keluasan perairan dan sebagainya (sekiranya pindaan tersebut adalah perubahan pada lot tanah, keluasan tanah, keluasan perairan dan sebagainya) seperti ketetapan berikut:

- a) Sekiranya membabitkan permohonan pindaan pengisytiharan KLTL di kawasan darat, pelan Warta yang disediakan oleh:
 - i. Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan;
 - ii. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah bagi Negeri Sabah; dan
 - iii. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi Negeri Sarawak. ATAU;
- b) Sekiranya membabitkan permohonan pindaan pengisytiharan KLTL di kawasan darat, Pelan Akui / Pelan Pelbagai yang disediakan atau disahkan oleh:
 - i. Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan;
 - ii. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah bagi Negeri Sabah; dan
 - iii. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi Negeri Sarawak.

- 6.3.4 Bagi setiap permohonan pindaan pengisytiharan KLTL di kawasan laut, pemilik atau operator perlu mengemukakan empat (4) salinan pelan warta yang disediakan oleh JUPEM Negeri ATAU;
- empat (4) salinan carta nautika yang dikeluarkan oleh Pusat Hidrografi Nasional;
- 6.3.5 Pemilik atau operator perlu mengemukakan salinan Pelan Warta / Pelan Akui yang disediakan atau disahkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri ATAU carta nautika yang dikeluarkan oleh Pusat Hidrografi Nasional kepada Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah, Jabatan Tanah Dan Survei Negeri Sarawak, Jabatan Laut Negeri dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk tujuan rujukan dan rekod;
- 6.3.6 Draf perintah pindaan kawasan larangan atau tempat larangan dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris yang mengandungi nama instalasi yang baru atau perihalan kawasan dan tempat yang baru atau kedua-duanya seperti di Lampiran 7 dan Lampiran 8 sebanyak dua (2) salinan; dan
- 6.3.7 mengemukakan dua (2) salinan warta atau perintah asal instalasi yang hendak dibuat pindaan.


7. PROSES PEMBATALAN PENGISYTIHARAN

- 7.1 Bagi tujuan pembatalan pengisytiharan, pemilik atau operator kawasan larangan dan tempat larangan tersebut atau Pejabat CGSO perlu mengemukakan sebab mengapaakah pembatalan pengisytiharan diperlukan;
- 7.2 Pemilik atau operator kawasan larangan dan tempat larangan tersebut atau Pejabat CGSO perlu menyatakan :
- 7.2.1 Nama Kawasan atau Tempat Larangan;

- 7.2.2 Nombor Perintah, butiran dan tarikh kawasan atau tempat atau instalasi atau premis tersebut diisyiharkan atau disiarkan dalam Warta Kerajaan terdahulu; dan
- 7.2.3 Draf perintah pembatalan kawasan larangan atau tempat larangan dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebanyak (2) salinan seperti di Lampiran 9 dan Lampiran 10.
- 7.3 Setelah kawasan, tempat, instalasi atau premis tersebut dibatalkan pengisytiharannya sebagai kawasan larangan atau tempat larangan di bawah Akta 298, pemilik atau operator hendaklah menanggalkan semua papan kenyataan yang telah dipasang terdahulunya.

8. KAWASAN LAUT YANG BOLEH DIISYTIHARKAN

- 8.1 Zon Maritim di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut (KUUL), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 boleh dibahagikan kepada beberapa zon termasuk Laut Wilayah (territorial sea), Zon Berdampingan (contiguous zone), Zon Ekonomi Eksklusif (economics exclusive zone), Laut Lepas (high seas), Pelantar Benua dan Kawasan Dasar Laut dalam (deep seabed area).
- 8.2 Setiap negara mempunyai hak untuk membentuk kelebaran Laut Wilayah sehingga tidak melebihi 12 batu nautika (Artikel 3, KUUL 1982). Kelebaran Laut Wilayah Malaysia berdasarkan garis pangkal di mana air surut di sepanjang persisir pantai seperti mana yang telah ditandakan di dalam carta yang diiktiraf negara (Artikel 5, Artikel 7 dan Artikel 16 KUUL 1982). Zon Berdampingan terbentuk tidak melebihi 24 batu nautika dari garis pangkal selepas kelebaran Laut Wilayah dikira (artikel 33(2), KUUL 1982). Zon Ekonomi Eksklusif pula merupakan kawasan yang melebihi dan berdekatan dengan Laut Wilayah dan jaraknya tidak melebihi 200 batu nautika bermula dari garis pangkal di mana kelebaran Laut Wilayah dikira (artikel 57, KUUL 1982).



8.3 Penghuni Sasaran Penting dan KLTL di Zon Maritim Malaysia yang mendirikan apa-apa pepasangan, struktur, platform atau apa-apa bentuk peranti lain boleh melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 8.3.1 Mengadakan zon keselamatan, sehingga ke suatu jarak yang tidak melebihi lima ratus meter yang diukur dari setiap hujung pinggir luar pepasangan atau peranti, di sekeliling mana-mana pepasangan atau peranti itu di dalam, di, atau di atas pelantar benua itu;
- 8.3.2 Menetapkan apa-apa Langkah yang difikirkannya perlu di dalam mana-mana zon keselamatan itu bagi melindungi pepasangan atau peranti yang berkenaan dengannya zon keselamatan itu diadakan;
- 8.3.3 Mengawal selia atau mlarang kemasukan kapal ke dalam mana-mana zon keselamatan itu;

- 8.3.4 Menetapkan notis yang akan diberikan mengenai pembinaan, pendirian atau penempatan pepasangan atau peranti di dalam, di, atau di atas pelantar benua;
- 8.3.5 Menetapkan alat yang tetap yang akan dipasang bagi maksud memberikan amaran kepada kapal dan pesawat udara mengenai adanya pepasangan atau peranti di dalam, di, atau di atas pelantar benua

9. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta.

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri